

## **Isu dan Cabaran Guru Tahfiz dalam Pengajaran Mahārāt Al-Quran: Satu Kajian di Negeri Sembilan**

Muhammad Ashraf Shahrulail  
*ashrafshahrulail89@gmail.com*

Muhammad Omar  
*muhammadibnuomar@gmail.com*

Muhammad Zuhailie Mohd Dzahid  
Sekolah Menengah Agama Haji Mohd Yatim

### **Abstrak**

Maharat al-Quran diperkenalkan di sekolah menengah memberi pendedahan kepada murid untuk mempelajari kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu dan cabaran bagi guru-guru tahfiz sepanjang proses pengajaran maharat al-quran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan instrumen temubual melibatkan tujuh orang guru tahfiz mewakili tujuh buah sekolah yang melaksanakan Tahfiz Model Ulu Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di sekitar Negeri Sembilan. Kajian berbentuk penerokaan ini menemubual secara mendalam kesemua informan kajian. Dapatan dari temubual guru-guru tahfiz mendapati pelajar-pelajar sangat lemah dan tidak menguasai bahasa arab dengan baik. Disamping itu, pelajar sukar untuk mengingati hubungan di antara istilah dan bacaan imam qiraat tertentu. Implikasi cabaran ini akan membawa kepada tekanan dan kesukaran kepada guru tahfiz itu sendiri ketika pdpc sedang berlangsung. Ini kerana keutamaan matapelajaran maharat al-quran adalah dalam bahasa arab. Kelewatan dalam menghabiskan sukatan juga boleh berlaku kerana mengambil masa yang lama untuk proses terjemahan setiap kalimah. Antara perkara yang dicadangkan ialah dengan memastikan ilmu ini diamalkan secara berterusan, teori dan praktikal perlu dilakukan di luar waktu sekolah supaya pelajar dapat mengingati secara berterusan. Seterusnya guru-guru tahfiz harus memiliki keupayaan berkomunikasi dengan baik dan mempunyai ilmu pedagogi yang berfikiran reflektif, kreatif dan inovatif. Proses penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan pembelajaran Mahārāt al-Quran yang dijalankan menepati matlamat dan objektif yang dirancang.

Kata Kunci: Isu, cabaran, pengajaran, mahārāt al-Quran, Negeri Sembilan.

### **Abstract**

*Maharat al-Quran was introduced in secondary schools to give students exposure to learn the skills of reciting the Quran with tajwid. The objective of this study is to identify issues and challenges for tahfiz teachers throughout the process of teaching maharat al-quran. This study uses a qualitative approach using an interview instrument involving seven tahfiz teachers representing seven schools that implement the Ulu Albab Model Tahfiz (TMUA) and the Integrated Tahfiz Curriculum (KBT) around Negeri Sembilan. This exploratory study interviewed in-depth all the study informants. Findings from the interviews with the tahfiz teachers found that the students were very weak and did not master the Arabic language well. In addition, students find it difficult to remember the relationship between certain terms and readings of the imam qiraat. The implications of this challenge will lead to stress and difficulty for the tahfiz teacher himself when the Teaching and learning is underway. This is because the priority of the Qur'an's maharat subjects is in Arabic. Delays in completing the measurement can also occur because it takes a long time for the translation process of each*

*sentence. Among the things suggested is to ensure that this knowledge is practised continuously, theory and practical needs to be done outside of school hours so that students can remember continuously. Next, tafhiz teachers must have the ability to communicate well and have pedagogical knowledge that is reflective, creative and innovative. The improvement process needs to be carried out from time to time to ensure that the implementation of Mahārāt al-Quran learning that is carried out meets the planned goals and objectives.*

**Keywords:** Issues, challenges, teaching, mahārāt al-Quran, Negeri Sembilan

Kurikulum Bersepadu Tafhiz (KBT) telah mula dilaksanakan sejak tahun 2014 lagi merangkumi subjek hifz al-quran dan maharat al-quran. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah melaksanakan Tafhiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah menengah KPM mulai 2014 melalui Kurikulum Bersepadu Tafhiz (KBT) sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016) Pada asalnya, kurikulum ini dijadikan cadangan dan saranan supaya kurikulum dini dan kurikulum tafhiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) diselaras dan dijadikan Kurikulum Kebangsaan ketika Seminar Pemantapan Kurikulum SABK peringkat kebangsaan pada 3 hingga 5 Disember 2008 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Cadangan penyelarasan kurikulum ini juga disepakati pada Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali ke-86 di Kangar pada 27 Mei 2011. Seterusnya, pada 4 Disember 2012, mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) telah bersetuju menamakan kurikulum baharu ini sebagai Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tafhiz (KBT). (Nik & Rabiatal, 2020)

Maharat al-quran merupakan salah satu daripada matapelajaran Kurikulum Bersepadu Tafhiz (KBT) selain daripada matapelajaran Hifz al-quran. Mata pelajaran Maharat al-Quran merangkumi enam sub bidang yang diajarkan iaitu Tilawah (bacaan) al-Quran, Adab al-Quran, Hukum Tajwid, Ilmu Qirā'at (kaedah bacaan), Amali Qirā'at (kaedah bacaan secara praktikal) dan Rasm 'Uthmāni (kaedah tulisan) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Pada tingkatan 1, 2 dan 3 murid wajib mempelajari ilmu tajwid yang disediakan di dalam buku teks. Ketika di tingkatan 4 dan 5, pelajar akan mempelajari berkaitan ilmu Qirā'at. Selain itu, murid juga perlu bertalaqqi dengan guru di samping menguasai hafalan 30 juzuk (KPM, 2017)

Oleh kerana guru yang mengajar dua subjek Tafhiz Model Ulul Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tafhiz (KBT) ini disebut sebagai Guru Tafhiz dan bukan Guru Pendidikan Islam, maka tanggung jawab Guru Tafhiz adalah sangat berbeza dengan Guru Pendidikan Islam. (Sri Andayani et al., 2021) Dalam mata pelajaran ini, guru harus bersedia dari aspek tajwid, penguasaan Bahasa Arab, bentuk kaedah bacaan qirā'at dan asas nahu dalam Bahasa Arab. (KPM, 2017) Selain itu, sokongan alat bantu mengajar yang pelbagai mampu meningkatkan motivasi murid dalam menguasai mata pelajaran ini. (Rabiatal et al., 2021)

### Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menanamkan hasrat dan tekad untuk menaik taraf kualiti kemenjadian pelajar sejajar dengan aspirasi meletakkan Malaysia dalam kelompok terbaik dunia (KPM, 2013). Sehubungan dengan itu, pengkaji menemui beberapa permasalahan berkenaan pembelajaran maharat al-quran dalam kalangan pelajar tafhiz ini. Berdasarkan dapatan kajian dari Mohd & Rohana (2021) dalam kajiannya bertajuk *Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat Di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong* menunjukkan tahap penguasaan ilmu Qirā'at di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong adalah pada tahap yang sederhana dan disokong oleh dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lain. Ini kerana ilmu Qirā'at merupakan sebahagian dari bab dalam matapelajaran maharat al-quran tingkatan 4 dan 5.

Terdapat satu permasalahan yang dirungkaikan oleh Ashraf (2022) dalam kajian tindakan yang dilaksanakan oleh beliau berkaitan matapelajaran maharat al-quran. Kajian tindakan tersebut bertajuk *Kaedah Putaran Qiraat Bagi Membantu Meningkatkan Minat Dan Penguasaan Ilmu Qiraat Di Kalangan Pelajar Yang Lemah*. Pemerhatian awal dalam kajian tindakan tersebut mendapati terdapat sebahagian pelajar tidak dapat menguasai ingatan istilah qiraat dengan baik. Mereka sukar mengingati dan keliru di antara cara bacaan, nama imam dan kalimah yang bersesuaian dengan bacaan imam. Kesan dari permasalahan tersebut, maka pelajar cepat bosan dan putus asa dan mengakibatkan hilang tumpuan dalam pembelajaran. Justeru, dengan kesinambungan kajian ini akan dapat merungkai beberapa isu dan cabaran lain yang terhasil dari beberapa sekolah yang terlibat berkaitan pembelajaran Mahārāt al-Quran ini.

Satu dapatan kajian dari Syafie Salihin (2022) yang bertajuk *Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Di Sekolah Menengah Agama (SMA): Persepsi Guru Tahfiz Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Subjek Maharat Al-Quran* secara keseluruhannya mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam pembelajaran maharat al-quran berada pada tahap sederhana tinggi. Antara faktor utamanya ialah penguasaan pelajar dalam membaca teks Arab tanpa baris dan kemampuan pelajar untuk memahami istilah tajwid walaupun ditulis dalam bahasa Arab adalah berada pada tahap sederhana rendah. Oleh itu, persepsi para guru haruslah dipandang dan dinilai bagi memastikan sistem pembelajaran tersebut adalah bersesuaian dengan keadaan pelajar dan perkembangan semasa.

Seterusnya, dalam hasil kajian Rabiatul ‘Athirah et al. (2021) menyatakan masih terdapat sekolah yang menyediakan kelas *Mahārāt al-Quran* di mana guru-guru terpaksa berkongsi dua *halalah* (kumpulan) dalam satu kelas. Keadaan ini menyebabkan ada segelintir guru yang kurang selesa dalam proses pengajaran. Dapatkan kajian ini juga diperkuuhkan dengan pernyataan Wan Ali Akbar et al. (2020) yang bersetuju dengan terhasilnya suasana pembelajaran aktif di dalam kelas berlaku apabila pelaksanaan strategi pengajaran yang merangsang daya fikir pelajar.

Justeru itu, atas dasar ingin mengetahui lebih mendalam, mengkaji secara teliti, menganalisis dengan lebih terperinci berkaitan isu dan cabaran dalam pengajaran maharat al-quran oleh guru-guru tahfiz khususnya di sekolah sekitar Negeri Sembilan, maka disebabkan itulah kajian ini dijalankan oleh pengkaji seiring dengan perkembangan ilmu pengajian quran pada hari ini.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada warga Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) terhadap pelaksanaan pengajaran Mahārāt Al-Quran. Namun, kajian mengenai pengajaran maharat al-quran masih belum luas dilaksanakan khususnya penglibatan daripada pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Berpandukan kajian yang dijalankan ini adalah diharapkan dapat memberi suatu input dan maklumat yang berguna kepada semua sekolah yang melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) khususnya dan juga kepada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Persoalan Kajian**

Apakah isu dan cabaran bagi guru-guru tahfiz ketika pengajaran maharat al-quran dijalankan?

### **Objektif Kajian**

Mengenalpasti isu dan cabaran bagi guru-guru tahfiz ketika pengajaran maharat al-quran dijalankan.

### Batasan Kajian

Kajian ini hanya menumpukan cabaran dari guru tahniz ketika proses pengajaran matapelajaran maharat al-quran khusus di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama (SMA) sekitar Negeri Sembilan. Seramai tujuh orang guru yang mewakili sekolah masing-masing iaitu daripada Sekolah Menengah Agama Haji Mohd Yatim, Sekolah Menengah Agama Nilai, Sekolah Menengah Agama Dato Haji Tan Ahmad, Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah, Sekolah Menengah Agama Repah, SMA Telok Kemang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato Haji Abu Hassan Haji Sail. Pemilihan mereka adalah berdasarkan kepada pengalaman mereka setelah melebihi lima tahun mengajar matapelajaran maharat al-quran.

### Tinjauan Literatur

Setakat pemerhatian dan tinjauan dari pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, kebanyakannya berkaitan perlaksanaan, kaedah dan cara pengajaran banyak melibatkan guru-guru tahniz bagi matapelajaran Mahārāt al-Quran. Antara kajian yang telah berjaya dihasilkan ialah *Kesediaan Dan Kefahaman Guru Maharat Al-Quran Terhadap Pembelajaran Abad ke-21 di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab: Tahfiz Model Ulul Albab* oleh Rabi'atul et. al, (2021), *Keperluan Penilaian Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat Al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab* oleh Rabi'atul Athirah et. al, (2021), *Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat Al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz* oleh Sri et. al (2021) dan *Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (Tmua): Satu Kajian Kes Di Sarawak* oleh Awang dan Kitikedizah (2021).

Namun, terdapat satu kajian yang khusus melibatkan penglibatan pelajar dari Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) berkaitan ilmu Qirā'āt. Kajian tersebut dari Mohd & Rohana (2021) yang bertajuk *Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Pahang*. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti tahap penguasaan dan tahap pengetahuan ilmu Qirā'āt pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong. Ini kerana ilmu Qirā'āt merupakan salah satu dari subtopik dalam pembelajaran Mahārāt al-Quran selain ilmu tajwid. Kajian mengenai pengajaran Mahārāt al-Quran masih belum luas dilaksanakan khususnya dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) terutamanya di Negeri Sembilan.

### Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif melibatkan tujuh orang guru yang mewakili tujuh buah sekolah yang melaksanakan Tahfiz Model Ulu Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di sekitar Negeri Sembilan. Dalam kajian tinjauan untuk mengetahui isu dan cabaran dalam matapelajaran maharat al-quran ini, pengkaji akan menggunakan instrumen temubual bagi menyempurnakan mengumpul data di lapangan sebenar. Dalam instrumen temubual, pengkaji akan melakukan temubual kepada beberapa tenaga pengajar yang dikategorikan sebagai informan, dan mereka akan dipilih berdasarkan kaedah (*purposive*) dan relevan.

Kajian berbentuk penerokaan ini ialah menemu bual secara mendalam kesemua informan kajian. Menurut Kamarul (2012) orang yang ditemubual ialah responden atau informan yang hidup di lingkungan kehidupan sosial orang yang dikaji. Mereka bertindak sebagai pemerhati bagi pengkaji serta menjadi mata dan telinganya di lapangan. Temu bual secara mendalam separa struktur dilakukan bagi mendapatkan gambaran yang kukuh tentang perlaksanaan pembelajaran maharat al-quran sepanjang tahun. Informan kajian dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria yang digariskan oleh pengkaji dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) supaya data yang diberikan mampu menjawab persoalan kajian dengan baik. Kriteria pemilihan informan kajian

bagi kajian ini ialah informan kajian merupakan guru tahniz yang berpengalaman mengajar matapelajaran maharat al-quran dengan pengalaman melebihi lima tahun dan bersedia berkongsi pengalaman mereka bersama pengkaji.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Dalam kajian ini, informan yang dipilih adalah terdiri daripada guru-guru tahniz yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran maharat al-Quran. Informan-informan tersebut terdiri daripada tujuh orang guru bagi mewakili setiap sekolah yang melaksanakan pembelajaran Mahārāt al-Quran.

- a) Temubual bersama guru tahniz Sekolah Menengah Agama Nilai  
Menurut informan, permasalahan yang berbangkit adalah pelajar-pelajar lemah dalam menguasai bahasa arab dan memberi kesan kepada pembelajaran di kelas. Informan menjelaskan: “...*Setakat ni semua pelajar boleh ikuti silibus yang telah ditetapkan. Cuma pelajar-pelajar ni diorang lemah dalam bahasa arab. Jadi untuk terjemahkan satu persatu ambil masa yang lama. Lepas tu, kalau diorang susah atau malas nak terjemahkan, pelajar hafal takrif dan istilah macam tu je. Risau juga diorang hafal tapi tidak faham. Setakat ni itu sajalah...*” (Informan 1)
- b) Temubual bersama guru tahniz Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah  
Informan yang kedua juga menyatakan perkara yang sama iaitu lemah penguasaan pelajar dalam bahasa arab menyebabkan kesukaran dalam proses pengajaran dan pembeajaran. Informan menjelaskan: “...*Banyak cikgu-cikgu tahniz di sini mengadu pelajar tidak kuasai bahasa arab sepenuhnya. Pada kami tiada masalah. Tapi, nak bagi faham kepada mereka tu memang perlukan masa. Sebab buku teks semuanya bahasa arab...*” (Informan 2)
- c) Temubual bersama guru tahniz Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato Haji Abu Hassan Haji Sail  
Menurut informan, terdapat dua cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran maharat al-quran iaitu pelajar lemah dalam bahasa arab dan bermudah-mudahan dalam penggunaan istilah dalam ilmu qiraat. Informan Menjelaskan: “...*Paling ketara setakat ni mereka susah nak faham kalimah dalam bahasa arab. Perlu kita terjemah baru diorang boleh betul-betul faham setiap istilah tu. Lagi satu dalam meletakkan istilah tahqiq, mereka mudah sangat letak pada kalimah yang ada beza cara bacaannya. Padahal istilah tahqiq tu ada tempat yang khusus sahaja...*” (Informan 3)
- d) Temubual bersama guru tahniz Sekolah Menengah Agama Haji Mohd Yatim  
Informan menyatakan, permasalahan yang berlaku pada pelajar-pelajar adalah penguasaan bahasa arab dan kekeliruan mereka berkaitan istilah dan sandaran istilah kepada imam-imam tertentu. Informan menjelaskan: “...*Pelajar susah nak faham kalimah arab ke dalam bahasa melayu. Nak ataupun tidak, mesti ada sedikit asas dalam bahasa arab. Sebab buku semua dalam arab. Lepastu satu lagi isu, kebanyakannya pelajar-pelajar ni, diorang mahir dan pandai bagaimana cara bacaan imam pada kalimah-kalimah tertentu. Tapi diorang ni susah sangat nak ingat nama istilah bacaan seseorang imam dan siapa imam yang baca istilah tersebut. Contohnya adalah istilah imalah, ibdal, naqal dan seumpamanya. Senang kata, praktikal dan teori kebanyakannya diorang masih di tahap sederhana la. Tidaklah teruk sangat...*” (Informan 4)
- e) Temubual bersama guru tahniz Sekolah Menengah Agama Telok Kemang  
Informan ini juga menjelaskan kelemahan dalam menguasai bahasa arab oleh pelajar dan kelemahan untuk mengingati sesuatu istilah qiraat. Informan menjelaskan: “...*Pelajar tidak kuasai bahasa arab. Sebab matapelajaran maharat al-quran ni keutamaannya dalam bahasa arab. Jadi kesimpulannya pelajar wajib tahu dan kuasai. paling kurang tahu kalimah yang asas dalam bahasa arab. Lagi satu sebahagian pelajar sahaja yang lemah nak ingat istilah pada bacaan tertentu. Mungkin disebabkan keliru cara bacaan*

*nama istilah. Lagi pula istilah-istilah qiraat ni hampir sama dengan tajwid... ”* (Informan 5)

- f) Temubual bersama guru tahniz Sekolah Menengah Agama Repah  
Menurut informan, pelajar-pelajar tidak mahir dalam bahasa arab untuk diterjemahkan ke dalam bahasa melayu. Seterusnya adalah cabaran pelajar untuk mengingati istilah-istilah dalam ilmu qiraat. Informan menjelaskan: “...Setakat dah mengajar 5 tahun ni ada dua isu. Pertama sekali pelajar tidak mahir terjemah setiap kalimah ke dalam bahasa melayu. Agak sukar juga la. Kedua ialah istilah kaedah bacaan kerap kali tertukar. Contohnya istilah tahqiq. Kadang-kadang pelajar ni diorang guna sesuka hati kalimah tahqiq jika ada perbezaan pada setiap cara bacaan imam. Padahal penggunaan tahqiq tu ada tempat yang boleh digunakan dan ada tempat yang boleh digunakan... ” (Informan 6)
- g) Temubual bersama guru tahniz Sekolah Menengah Agama Dato Haji Tan Ahmad  
Informan terakhir juga berpendapat pelajar-pelajar tidak kuasai sepenuhnya dalam bahasa arab. Informan menjelaskan: “...Secara umum, semuanya baik-baik sahaja dan pelajar beri kerjasama dalam pembelajaran. Tapi ada sebahagian pelajar susah nak faham maksud kalimah bahasa arab. Diorang lebih rela menghafal buta je takrif dan istilah. Tapi faham atau tidak apa yang dihafal saya tidak pasti... ” (Informan 7)

Dari keseluruhan jawapan dan maklumbalas yang diberikan oleh ketujuh-tujuh informan menunjukkan kepelbagaiannya bentuk respon dan jawapan. Secara keseluruhannya informan telah berusaha untuk memberikan gambaran sebenar terhadap penyampaian status hadis dalam kalangan guru tauliah semasa sesi pengajian dijalankan. Berpandukan kepada keseluruhan analisis dalam kajian, ini memberikan gambaran awal mengenai situasi pelaksanaan pembelajaran maharat al-quran dari guru tahniz di tujuh buah Sekolah Menengah Kebangsanaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama (SMA) sekitar Negeri Sembilan. Dapat dirumuskan beberapa isu dan cabaran dalam perlaksanaan pembelajaran di sekolah menengah agama oleh guru tahniz pada matapelajaran maharat al-quran. Antaranya ialah:

- a) Pelajar sangat lemah dan tidak menguasai bahasa arab. Kesemua informan sepakat menyatakan penguasaan bahasa arab pelajar menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas.
- b) Pelajar sukar untuk mengingati hubungan di antara istilah dan bacaan imam-imam tertentu. Isu ini juga boleh memberi kesukaran kepada pelajar terutamanya dalam menjawab peperiksaan secara bertulis dan juga memberi kesan kepada ujian tilawah terutamanya pada bahagian bacaan qiraat.

Berdasarkan daripada dapatan temubual terhadap informan yang terpilih, isu dan cabaran yang pertama sekali dalam melaksanakan pembelajaran sekolah menengah agama mendapati pelajar-pelajar sangat lemah dan tidak dapat menguasai bahasa arab dengan baik. Kelemahan pelajar dalam penguasaan bahasa Arab menjadi cabaran kepada para guru untuk mengajar anak murid ketika ini. Ini disebabkan keseluruhan pembelajaran Mahārāt al-Quran melibatkan teks-teks berbahasa Arab. Kesan dan implikasi daripada kelemahan tersebut membawa kepada tekanan dan kesukaran kepada guru tahniz ketika proses pdpc berlangsung. Kelewatan dalam menghabiskan sukatan juga boleh berlaku kerana mengambil masa yang lama untuk proses terjamahan setiap kalimah.

Dapatan kajian ini juga bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Maulana & Akil (2018). Hasil dapatan kajian tersebut mendapati penguasaan pelajar dalam membaca teks arab tanpa baris berada pada tahap sederhana rendah. Kebanyakan pelajar tidak dapat membaca teks arab yang tidak berbaris berdasarkan kajian yang dihasilkan. Ini menunjukkan kebanyakannya pelajar di Sekolah Menengah Agama (SMA) masih lemah dalam penguasaan bahasa Arab dan perkara ini menjadi cabaran kepada guru untuk menjelaskan sesuatu ilmu yang melibatkan teks-teks berbahasa Arab. Menurut Azlan & Muhamad (2020) pula, kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin meningkat. Dalam semua aspek, didapati masih banyak masalah yang dihadapi walaupun terdapat

usaha-usaha yang boleh dibanggakan untuk mengatasi masalah ini. Dalam memperkasakan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid, satu usaha dan langkah perlu difikirkan dalam menghasilkan pendidikan yang mempunyai kualiti yang tinggi.

Isu dan cabaran kedua pula ialah pelajar sukar untuk mengingati hubungan di antara istilah dan bacaan imam-imam qiraat tertentu. Hasil kajian ini juga bertepatan dengan hasil kajian dari Mohd dan Rohana (2021). Kajian tersebut mendapat tahap penguasaan ilmu Qiraat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong juga adalah pada tahap yang sederhana. Penguasaan istilah Qiraat dan kaedah pembacaannya amat penting dalam kalangan pelajar khususnya mereka yang menceburii bidang pengajian al-Quran. Sekiranya tidak diberikan tumpuan dan penekanan terhadap kedua-dua aspek tersebut, maka kesalahan dan kekeliruan akan berlaku. Menurut Ahmad et. al (2021) kesalahan berkaitan dengan ilmu Qirā'āt ini akan berlaku apabila pelajar-pelajar belum menguasai keseluruhan atau sepenuhnya pengajian Qirā'āt melalui teori dan amali yang sedang dipelajari secara formal. Selain itu, ada juga pelajar hanya cukup sekadar memahami apa yang disampaikan oleh tenaga pengajar sahaja secara teori sedangkan proses pengajian ilmu Qirā'āt hendaklah berjalan secara seiring antara teori dan amali. Implikasi kepada permasalahan ini adalah sekiranya guru tahniz tidak cakna dan mengambil berat pada isu ini maka kesalahan akan berlaku berterusan kepada pelajar dan bacaan tidak menepati kehendak bacaan yang sebenar seperti mana bacaan dari Nabi Muhammad SAW.

Beberapa faktor yang boleh dirumuskan dari pengkaji berkaitan perbincangan hasil kajian yang didapati dari kajian ini. Antaranya adalah mungkin kesukaran mereka untuk menghafal dan mengingati disebabkan mengikut kemampuan dari diri pelajar tersebut. Menurut Siti dan Ahmad (2021) tahap pemahaman dan penguasaan pelajar tahniz adalah berbeza mengikut keupayaan masing-masing. Ini kerana masalah yang sering berlaku dalam kalangan pelajar adalah daripada segi aspek pencapaian dan prestasi mereka. Seterusnya adalah faktor kurang minat yang mendalam kepada matapelajaran maharat al-quran itu sendiri. Awang dan Kitikedizah (2022) menjelaskan, minat perlu ditanamkan dalam diri murid itu sendiri. Keseronokan belajar akan meningkatkan minat dan ia boleh dipertingkatkan lagi dengan penyertaan dan dorongan ibubapa, guru dan rakan-rakan di dalam proses pembelajaran.

## Cadangan

Bagi memastikan ilmu ini diamalkan secara berterusan, teori dan praktikal perlu dilakukan di luar waktu sekolah supaya pelajar dapat mengingati secara berterusan. Pelajar-pelajar boleh mempraktikkan bacaan Qirā'āt yang dipelajari dari guru seiring dengan nama isitihal yang dihafal. Sebagai contoh, pelajar lelaki boleh membaca Qirā'āt semasa menjadi imam. Pelajar perempuan pula boleh mempraktikkan bacaan Qirā'āt semasa di dalam halaqah masing-masing. Aktiviti-aktiviti ini akan menghidupkan amalan Qirā'āt di dalam sekolah walaupun di luar waktu pembelajaran.

Peranan guru juga penting dalam pembelajaran Mahārāt al-Quran. Guru-guru tahniz harus memiliki keupayaan berkomunikasi dengan baik dan mempunyai ilmu pedagogi. Guru-guru tahniz perlu berfikiran reflektif, kreatif dan inovatif. Seharusnya guru-guru sebagai tonggak pendidikan negara berupaya memainkan peranan yang lebih aktif dalam memotivasi diri mereka ke arah menjadi guru berkesan. Peranan ini amat penting kerana guru tahniz akan membimbang dan memandu pelajar membuat pembelajaran sendiri melalui konsep kreativiti. Amat penting seseorang guru itu mempunyai kebolehan merangsang pembelajaran kreatif dan kritis serta membina kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar.

## Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti isu dan cabaran pembelajaran maharat al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulu Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)

di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama (SMA) sekitar Negeri Sembilan. Dapatan kajian ini juga mampu menjadi kayu ukur kepada keberkesanan pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulu Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang telah dan sedang diperaktikkan di kalangan pelajar berkaitan. Ini pastinya akan memberi nilai tambah kepada semua pihak yang terlibat di dalam keberkesanan pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulu Albab (TMUA) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bermula dari peringkat perancangan sehingga kepada pelaksanaannya.

## Rujukan

- Ashraf S. (2022) Kaedah Putaran Qiraat Bagi Membantu Meningkatkan Minat Dan Penguasaan Ilmu Qiraat Di Kalangan Pelajar Yang Lemah. Kompilasi *Kajian Tindakan Guru-Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Guru-Guru Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia*. 80 – 88.
- Ahmad M. H. Y., Amiri M. A. G., Noraini M. N. & Norhanis A. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (Kias). *Education*, 6 (38), 13-23.
- Awang N. A. K. & Kitikedizah H. (2022) Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (Tmua): Satu Kajian Kes Di Sarawak. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization(ACER-J)* 5 (1),51-57. eISSN: 2600-769X
- Azlan A. @ Muhamad S. T. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(3), 13– 23
- Fadzilah A. H. (2023) Guru Tahfiz Sekolah Menengah Agama Dato Haji Tan Ahmad, Temu Bual, 17 Mac 2023.
- Kamarul A. J. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 1 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah KPM*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Maklumat Pemilihan Pakej Mata Pelajaran Menengah Atas Kurikulum Bersepadu Tahfiz Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*
- Nik M. S. & Rabi'atul A. M. I. (2020). Sejarah dan Kaedah Perlaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. *Jurnal Darul Quran*. 24, 146 – 169.
- Maulana M. M. I. & Akil M. A. (2017). Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Ilmu Hadith Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Di Sarawak, Malaysia. *Jurnal Al-Banjari*, 16, 112-137
- Mohamad H. G. (2023) Guru Tahfiz Sekolah Menengah Agama Nilai, Temu Bual, 17 Mac 2023.
- Mohammad H. H. (2023) Guru Tahfiz Sekolah Menengah Agama Repah. Temu Bual, 15 Mac 2023.
- Mohd S. H. (2023) Guru Tahfiz Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah. Temu Bual, 16 Mac 2023
- Mohd I. D. & Rohana Z. (2021). Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong, Pahang. *Jurnal Qiraat*. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 4, ( 2), 51-63.
- Muhammad F. A. (2023) Guru Tahfiz Sekolah Menengah Agama Telok Kemang. Temu Bual, 17 Mac 2023.
- Muhammad Z. D. (2023) Guru Tahfiz Sekolah Menengah Agama Haji Mohd Yatim. Temu Bual, 15 Mac 2023

- Rabi'atul A., Faizulamri M. S., Sabri M., Latifah A. M. & Nik M. S. A. (2021). Keperluan Penilaian Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat Al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab. *Jurnal al-Turath*, 6,(1), 18 – 24.
- Rabi'atul A., Faizulamri M. S., Sabri M., Latifah A. M. & Nik M. S. A. (2021). Kesediaan Dan Kefahaman Guru Maharat Al-Quran Terhadap Pembelajaran Abad ke-21 di Sekolah Menengah Tahfiz Model Ulul Albab: Tahfiz Model Ulul Albab Teachers Readiness and Understanding in Implementing and Facilitating 21st Century Learning. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(2), 93-102.
- Sri Andayani M. Y., Mohd. A. C. N. & Khadijah A. R. (2021). Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat Al-quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 39-50
- Siti K. K. & Ahmad Y. (2021) Masalah Dan Cabaran Guru Tahfiz Dalam Pelaksanaan Pengajaran Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Di Kementerian Pelajaran Malaysia. *Proceedings of the 7 th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)* FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 6-7 October 2021
- Syafie S. (2022) Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Di Sekolah Menengah Agama (SMA): Persepsi Guru Tahfiz Terhadap Penglibatan Pelajar Dalam Subjek Maharat Al-Quran. *Jurnal Jauhari*. Jilid IV, IPG Kampus Pendidikan Islam.
- Syed N. S. A (2023). Guru Tahfiz Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato Haji Abu Hassan Haji Sail. Temu bual, 16 Mac 2023.